

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## Nasional

Penularan COVID-19

# 111 kes direkod semalam

Seramai empat individu dirawat di ICU, tiga perlukan bantuan pernafasan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kes baharu positif COVID-19 meningkat 111 kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 10,687 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes baharu itu membabitkan 107 penularan tempatan dan empat kes import.

Katanya, dengan pertambahan kes baharu itu, ia menjadikan kes aktif dengan kebolehtangkitan di negara ini sebanyak 858 kes.

"Sehingga kini seramai empat individu dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiga daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan di Facebook, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata ada 30 kes sembuh dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes sembuh

COVID-19 di negara ini sebanyak 9,696 kes bersamaan 90.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Tiada kes kematian yang mana jumlah kumulatif kekal 133 kes atau 1.24 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sementara itu, kementerian juga mengesan satu kluster baharu di Johor yang dikenal pasti sebagai Kluster Orkim membabitkan kru kapal yang berlabuh di Pelabuhan Pasir Gudang.

Katanya, kes pertama iaitu kes ke-10,572 yang dikesan membabitkan seorang kru kapal warganegara Indonesia.

Katanya, individu itu ke Singapura pada 10 September lalu dan mula menunjukkan gejala seperti demam, batuk, sesak nafas, cirit-birit dan muntah pada 13 September namun tidak memaklumkan perkara itu kepada majikannya.

"Beliau keluar dari Singapura pada 17 September dan hanya mendapatkan rawatan beberapa hari selepas itu iaitu 22 September.

"Beliau seterusnya dirujuk ke Hospital Permai, Johor di mana didapati positif COVID-19 pada 23 September dan dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor," katanya.

Dalam kenyataan berasingan, Dr Noor Hisham berkata kajian



Dr Noor Hisham Abdullah

terkini Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mendapati mutasi jenis D614G kini dikesan pada virus COVID-19 daripada Kluster Benteng LD, di Sabah dan Kluster Sungai, di Kedah.

Sebelum ini, mutasi berkenaan dikesan dalam Kluster PUI Sivagangga, Kluster Tawar, Kluster Sungai dan Kluster Bukit Tiram.

Beliau berkata, IMR menjalankan ujian penjujukan genom terhadap 32 virus COVID-19 yang dikesan hasil ujian pengasingan dan kultur virus COVID-19 bagi Kluster Benteng LD (23 virus), Kluster PUI Sivagangga (4 virus), Kluster Tawar (3 virus), Kluster Sungai (1 virus) dan Kluster Bukit Tiram (1 virus).

Katanya, seperti disyaki terdapat mutasi jenis D614G yang dikesan kepada kesemua 32 virus

COVID-19 itu.

"Kajian susulan juga dijalankan bagi mengkaji kaitan genetik antara virus yang diasingkan ini dan membandingkan dengan virus yang dikesan sebelum ini pada Kluster PUI Sivagangga dan Kluster Tawar.

"Seperti disyaki juga, semua virus yang diasingkan bagi kluster di Kedah (Kluster PUI Sivagangga, Kluster Tawar dan Kluster Sungai) adalah saling berkait dan besar kemungkinan adalah berasal dari sumber virus yang sama," katanya.

Beliau berkata, kesemua 23 virus COVID-19 dari Kluster Benteng LD pula didapati saling menyerupai namun tidak berkait dengan virus COVID-19 yang dijumpai di Kedah, meskipun kesemuanya mempunyai mutasi D614G.

Katanya, ujian berkenaan adalah ujian awal dan terdapat beberapa ujian susulan sedang dijalankan bagi menguji lanjut kebarangkalian dan semakan dengan kumpulan keluarga virus COVID-19 (Phylogenetic tree).

"Pun begitu, ini bermakna masyarakat perlu lebih berwaspada dan lebih berhati-hati.

"Virus COVID-19 dengan mutasi D614G ini didapati lebih mudah menjangkiti individu lain dan mudah merebak," katanya.

SABTU, 26 SEPTEMBER 2020

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

BH SABTU, 26 SEPTEMBER 2020

19

Nasional

# Garam halus wajib ditambah iodin

Inisiatif USI bantu tingkat pengambilan dalam masyarakat

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan mewajibkan semua garam halus atau garam yang beratnya 20 kilogram (kg) atau kurang, ditambah dengan iodin sebelum boleh dijual di seluruh negara mulai 30 September ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata langkah itu bertujuan memastikan pelaksanaan Pengiodinan Garam Secara Universal (USI) bagi membantu meningkatkan pengambilan iodin dalam kalangan masyarakat.

Katanya, penguatkuasaan dibuat selaras pindaan Peraturan 285 berkaitan Garam Halus Beriodin atau Garam Beriodin

di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang diwartakan pada 12 November 2018.

Beliau berkata, sebelum ini, peraturan sama sudah dikuatkuasakan di Sabah dan kini ia diperluaskan ke seluruh negara.

"Pindaan peraturan ini dibuat susulan dapatan Tinjauan Gangguan Akibat Kekurangan Iodin (IDD) Kebangsaan yang menunjukkan 48.2 peratus kanak-kanak sekolah rendah berusia lapan hingga 10 tahun mengalami masalah kekurangan iodin.

"Selain itu, 2.1 peratus kanak-kanak mengalami masalah goiter. Bagi tinjauan membabitkan wanita hamil dan murid sekolah, pengambilan iodin juga tidak mencapai paras optimum.

"Oleh itu, pelaksanaan USI dapat membantu meningkatkan pengambilan iodin dalam kalangan masyarakat memandangkan garam adalah bahan asas digunakan di semua peringkat lapisan masyarakat tanpa mengira status pendapatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham menegaskan,

**Pelaksanaan USI dapat bantu meningkatkan pengambilan iodin dalam kalangan masyarakat memandangkan garam adalah bahan asas digunakan di semua peringkat lapisan masyarakat.**

Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan

penggunaan garam beriodin dalam makanan tidak akan menjejaskan kualiti rasa makanan disediakan.

Bagaimanapun beliau mengingatkan penggunaan garam tidak perlu ditingkatkan kerana pengambilan berlebihan dalam makanan boleh menyebabkan penyakit tidak berjangkit lain seperti hipertensi (darah tinggi).



KKM akan mewajibkan semua garam halus ditambah dengan iodin.

(Foto hiasan)

Katanya, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan akan menjalankan pemantauan terhadap kepatuhan peraturan itu sebaik ia dikuatkuasakan.

"Kegagalan mematuhi pindaan Peraturan 285 adalah satu kesalahan dan pengilang serta penjual boleh dikenakan denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun, jika

sabit kesalahan.

"Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung isu keselamatan dan kualiti makanan, boleh hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau facebook BKKM [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq)," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Angka pesakit Covid-19 naik ke tiga digit

Oleh HASIF IDRIS  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 111 kes positif Covid-19 dilaporkan semalam termasuk merekodkan kluster baharu di Johor iaitu Kluster Orkim.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu terpencil yang dikenal pasti itu melibatkan anak kapal yang berlabuh di Pelabuhan Pasir Gudang.

Menurut beliau, kes pertama bagi kluster itu adalah kes ke-10,572 membabitkan seorang kru kapal warga Indonesia yang memasuki Singapura pada 10 September.

"Pesakit mula bergejala demam, batuk, sesak nafas, cirit-birit dan muntah sejak 13 September namun tidak memaklumkan kepada majikan. Individu itu keluar dari Singapura pada 17 September dan hanya mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta pada 22 September.

"Dia seterusnya dirujuk ke Hospital Permai, Johor dan kemudian disahkan positif Covid-19 pada 23 September serta dimasukkan ke Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom, Johor,"

kata beliau mengenai perkembangan harian kes Covid-19 di sini semalam.

Noor Hisham berkata, saringan lain menemui kru kedua juga rakyat Indonesia tanpa gejala positif wabak dan pesakit dimasukkan ke hospital sama.

"Baki 24 kru kapal negatif, empat lagi masih menunggu keputusan," jelas beliau.

Sementara itu, kata Noor Hisham, empat kes import melibatkan bukan warganegara dari Indonesia, India dan Singapura.

Menurutnya, daripada 107 kes penularan dalam negara, 76 kes rakyat tempatan dan 31 kes bukan warganegara.

"Sabah merekodkan 97 kes dengan 74 kes daripada Kluster Bangau-Bangau yang melibatkan 48 rakyat tempatan dan 26 bukan warganegara, 13 kes membabitkan Kluster Benteng Lahad Datu manakala Kluster Laut dan saringan kes lain merekodkan satu ke dua kes.

"Di Kedah berlaku pertambahan lapan kes baharu, Pahang dan Selangor masing-masing satu kes yang melibatkan warganegara serta mempunyai sejarah pulang dari Sabah," katanya.



**Pesakit mula bergejala demam, batuk, sesak nafas, cirit-birit dan muntah sejak 13 September namun tidak memaklumkan kepada majikan."**



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NEGARA

8 **Negara!**



**Covid-19 #kitamestimenang**

Kosmo SABTU 26 SEPTEMBER 2020

## Kluster Benteng LD di Sabah tidak berkait dengan virus di Kedah **Lima kluster mutasi D614G**

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**PUTRAJAYA** – Kluster Benteng LD di Sabah yang merekodkan 743 kes positif setakat semalam disahkan antara lima kluster aktif dalam negara yang mempunyai virus dengan mutasi jenis D614G yang didapati 10 kali lebih mudah menjangkiti individu lain jika disebar oleh individu *super-spreader*.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, mutasi D614G itu dikesan pada kesemua 23 virus Covid-19 di Kluster Benteng LD selain empat di Kluster Sivagangga, Kluster Tawar (tiga) dan masing-masing satu di Kluster Sungai dan Kluster Bukit Tiram.

Beliau berkata, keputusan mutasi virus itu diperoleh dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) semalam hasil ujian penjujukan genom ke atas virus Covid-19 bagi kelima-lima kluster terbabit.

“Kesemua virus yang diasingkan bagi kluster-kluster di Kedah iaitu Kluster Sivagangga, Tawar dan Sungai adalah saling berkait dan besar kemungkinan berasal dari sumber virus yang sama.

“Selain itu, 23 virus Covid-19 dari Kluster Benteng LD didapati saling menyerupai, namun tidak berkait dengan virus yang



**PETUGAS kesihatan melakukan sanitasi di kawasan perumahan Rumah Pangsa Tongkang Yard di Alor Setar kelmari.** – SHAHIR NOORDIN

dijumpai di Kedah, meskipun kesemuanya mempunyai mutasi D614G,” katanya menerusi akaun Twitternya semalam.

Noor Hisham berkata, beberapa ujian susulan sedang dijalankan bagi menguji kebarangkalian dan semakan dengan kumpulan keluarga virus Covid-19 (*Phylogenetic tree*).

“Ujian-ujian ini adalah ujian awal dan kajian susulan juga

dijalankan bagi mengkaji kaitan genetik antara virus-virus yang diasingkan ini,” katanya.

Menurutnya, masyarakat perlu lebih berwaspada dan berhati-hati kerana virus Covid-19 dengan mutasi D614G didapati lebih mudah menjangkiti individu lain dan mudah merebak.

“Masyarakat diingatkan agar mengamalkan sepenuhnya pro-

sedur operasi standard yang ditetapkan termasuklah penjarakan fizikal, kebersihan kendiri yang tinggi terutama mencuci tangan dengan air dan sabun.

“Selain itu, pakai pelitup muka khususnya di tempat awam, tempat sesak, tempat tertutup dan ketika sembang jarak dekat selain mendapatkan bantuan kesihatan sekiranya bergejala,” katanya.

## 111 kes baharu direkod, Kluster Orkim dikesan

**PUTRAJAYA** – Kes jangkitan Covid-19 kembali merekodkan tiga digit angka selepas 111 kes dilaporkan semalam termasuk di Kluster Orkim yang baharu dikenal pasti di Johor menjangkitkan jumlah kes positif sebanyak 10,687 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah tersebut 107 kes adalah penularan tempatan dan empat lagi adalah kes import.

Menurutnya, kes pertama Kluster Orkim iaitu kes ke-10,572 melibatkan seorang kru kapal warga Indonesia berumur 41 tahun yang berlabuh di Pelabuhan Pasir Gudang.

“Mangsa telah *sign-on* di Singapura pada 10 September sebelum demam, batuk, sesak na-

fas, cirit-birit dan muntah tiga hari kemudian, namun tidak maklumkan kepada majikan.

“Seterusnya, mangsa *sign-off* pada 17 September dan hanya mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta pada 22 September sebelum dirujuk ke Hospital Permai, Johor di mana dia didapati positif Covid-19 pada 23 September lalu,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, punca jangkitan masih dalam siasatan dan hasil saringan kru kapal mengesan satu lagi kes positif yang turut melibatkan warga Indonesia berusia 28 tahun.

“Kes positif kedua ini tidak bergejala dan kedua-dua mangsa telah dimasukkan ke Hospital Enche’ Besar Hajjah Khalsom,” ujarnya.

## Satu perumahan dikenakan Temco

**PUTRAJAYA** – Kerajaan menamatkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran di daerah Kota Setar semalam, namun kawasan Rumah Pangsa Tongkang Yard, Seberang Perak di Alor Setar diletakkan di bawah PKPD Secara Bersasar (Temco).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, lanjutan tempoh Temco itu diperlukan bagi membolehkan saringan kedua dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan selepas penilaian mendapati kawasan Rumah Pangsa Tongkang Yard paling berisiko tinggi.

“Mengambil kira penilaian risiko terhadap penularan

wabak ini, kerajaan bersetuju bahawa PKPD di Kota Setar ditamatkan hari ini (semalam), namun melanjutkan Temco di Rumah Pangsa Tongkang Yard sehingga 7 Oktober depan.

“Seramai 94 orang penduduk di lokasi tersebut telah disaring dan sembilan daripadanya didapati positif Covid-19 yang melibatkan lima buah rumah,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, di Alor Setar, ketua penduduk rumah pangsa berkenaan, Datuk Ahmad Mansor, 62, berkata, penghuni akur dengan lanjutan Temco yang dikuatkuasakan itu demi keselamatan semua.

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
• Kes baharu	111
• Import: 4	Tempatan: 107
• Pullih	30
• Kematian	0
• Masih dirawat	858
• Jumlah kes sembuh	9,696
• Jumlah Kematian	133
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>10,687</b>

## 10 positif Covid-19 balik dari Sabah

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 10 kes yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah dikesan positif Covid-19 dalam tempoh lima hari sejak 20 September lalu hingga semalam.

Dua daripadanya dikesan di Pahang dan Selangor semalam hasil saringan bergejala selepas mangsa pulang dari Semporna dan Kota Kinabalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pengesanan kontak bagi kesemua kes tersebut giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang berkaitan.

“Kesemua mangsa juga telah diasingkan dan kini mendapat rawatan di hospital,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, setakat semalam, empat kawasan di Sabah masih dikategorikan sebagai zon merah iaitu Tawau, Lahad Datu, Kunak dan Semporna.

Justeru, katanya, individu bergejala yang baru mengunjungi atau datang dari zon merah wajib melakukan ujian saringan Covid-19 di fasiliti kesihatan berhampiran.

“Individu tidak bergejala yang baru mengunjungi atau datang dari zon merah juga amat digalakkan untuk melakukan ujian saringan dan kuarantin sendiri bagi melindungi ahli keluarga, rakan-rakan serta masyarakat,” katanya.

Pada masa sama, Noor Hisham berkata, pihaknya menggesa semua masyarakat di Sabah untuk lebih berwaspada dan meningkatkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan termasuk sepanjang tempoh pengundian pada hari ini bagi Pilihan Raya Negeri Sabah.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 16  
 RUANGAN : NEGARA

Kementerian Kesihatan pinda Peraturan 285

## Tambah iodin dalam garam sebelum jual

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan akan menguatkuasakan pindaan Peraturan 285 berkaitan Garam Halus Beriodin atau Garam Beriodin bermula 30 September ini dengan mewajibkan peniaga menambah iodin pada garam sebelum boleh dipasarkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, berdasarkan pindaan baru itu, semua garam halus atau garam yang beratnya 20 kilogram atau kurang perlu ditambah dengan iodin sebelum boleh dijual di seluruh negara.

Beliau berkata, Peraturan 285 di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 itu telah diwartakan pada 12 November 2018 dan akan dikuat kuasa di seluruh negara pada 30 September ini.

"Pindaan peraturan ini adalah susulan daripada hasil dapatan Tinjauan Gangguan Akibat Kekurangan Iodin (IDD) Kebangsaan yang menunjukkan 48.2 peratus kanak-kanak sekolah rendah berusia 8 hingga 10 tahun mengalami masalah kekurangan iodin.

"Selain daripada itu, 2.1 peratus kanak-kanak mengalami masalah goiter. Bagi tinjauan membabitkan wanita hamil dan murid sekolah pula, pengambilan iodin juga tidak mencapai paras



**GARAM** adalah bahan asas yang digunakan di semua peringkat lapisan masyarakat. – GAMBAR HIASAN

optimum," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, justeru itu, pelaksanaan Pengiodinan Secara Universal di Malaysia (USI) dapat membantu meningkatkan pengambilan iodin dalam kalangan masyarakat memandangkan garam adalah bahan asas yang digunakan di semua peringkat lapisan masyarakat tanpa mengira status pendapatan.

Katanya, kementerian menerusi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) akan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kepatuhan peraturan ini.

"Sebelum ini peraturan yang sama sudah dikuatkuasakan di Sabah dan kini ia diperluas di seluruh negara.

"Penggunaan garam beriodin dalam makanan juga didapati tidak akan menjejaskan kualiti rasa makanan yang disediakan," katanya.

Jika gagal mematuhi pindaan Peraturan 285 pengilang dan penjual boleh dikenakan denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun.

Pada masa sama, pengambilan garam tidak perlu ditingkatkan kerana garam secara berlebihan dalam makanan pula boleh menjurus kepada penyakit tidak berjangkit seperti darah tinggi.

Pengguna boleh melayari laman web <http://moh.spab.gov.my> atau Facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq) untuk maklumat lanjut.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : PRN SABAH

## Wajib jalani saringan Covid-19

Individu pulang dari Sabah diarah jalani saringan Covid-19 dan kuarantin diri

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Individu yang datang atau pulang dari lima zon merah di Sabah iaitu Tawau, Lahad Datu, Kunak, Semporna termasuk Kota Setar di Kedah wajib melakukan ujian saringan koronavirus (Covid-19) di fasiliti kesihatan berhampiran.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, mereka yang tidak bergejala dan baru mengunjungi atau datang dari zon merah juga amat digalakkan untuk melakukan ujian saringan dan kuarantin sendiri.

"Ia bagi melindungi ahli keluarga, rakan-rakan serta masyarakat di sekitarnya," katanya dalam kenyataannya di sini semalam.

Menurutnya, sebarang perubahan kepada arahan tersebut akan dimaklumkan kepada umum dari masa ke masa.

"Elakkan mempercayai dan menyebarkan maklumat yang tidak sahih atau palsu," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan situasi terkini, didapati jumlah kes positif Covid-19 di Sabah terus meningkat.



Individu pulang dari empat zon merah iaitu Tawau, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Kota Setar di Kedah wajib menjalani ujian saringan Covid-19 di fasiliti kesihatan berhampiran.

"Seperti diumumkan, sejumlah 97 lagi kes positif dilaporkan pada hari ini (semalam) di Sabah," katanya.

Tambah Dr Noor Hisham, sebanyak 10 kes positif Covid-19 dikesan setelah individu tersebut kembali dari Sabah pada Minggu Epid ke-39 iaitu 20 September hingga semalam.

"Kesemua mereka itu telah diasingkan dan kini mendapat rawatan di hospital.

"Pengesanan kontak bagi kesemua kes ini juga giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang berkaitan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata lagi, berdasarkan penilaian risiko berkenaan, KKM menggesa semua masyarakat di Sabah untuk lebih berwaspada dan

meningkatkan pematuhan prosedur amalan standard (SOP) yang ditetapkan.

"KKM menggalakkan masyarakat untuk keluar mengundi dengan mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan di pusat mengundi.

"Amalkan penjarakan fizikal, kebersihan sendiri yang tinggi terutama mencuci tangan dengan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman serta memakai pelitup muka terutama di tempat awam, tempat sesak, tempat tertutup serta ketika bersembang dari jarak dekat.

"Dapatkan bantuan kesihatan sekiranya anda bergejala," katanya.

Setakat ini, Sabah merekodkan sebanyak 1,483 kes positif Covid-19.


AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19



# KKM rekod 111 kes

Kes positif Covid-19 kembali kepada tiga angka buat kali kedua pada minggu ini

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

**K**es baharu positif Covid-19 kembali kepada tiga digit buat kali kedua pada minggu ini dengan 111 kes baharu dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 107 kes adalah penularan dalam negara dan empat lagi kes import.

"Ia menjadikan jumlah kes positif coronavirus (Covid-19) adalah

sebanyak 10,687 kes dengan kebolehan-jangkitan sebanyak 858 kes.

"Kes baharu penularan dalam negara dikesan di Sabah dengan 97 kes positif Covid-19. KKM mengesan sebanyak 74 kes daripada Kluster Bangau-Bangau, Kluster Benteng LD (13) dan Kluster Laut (dua).

"Masing-masing dua kes dikesan semasa saringan di tempat kerja, saringan rujukan ke hospital dan saringan bergejala," katanya.

Menurutnya, KKM turut mengesan satu kes positif Covid-19 melalui saringan pernafasan akut teruk (SARI) dan satu lagi di Pintu Masuk Antarabangsa.

Di Kedah pula, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak lapan kes dikesan melibatkan tujuh Kluster



DR NOOR HISHAM

Sungai dan satu kes SARI di Hospital Sultanah Bahiyah.

"Di Pahang dan Selangor, masing-masing terdapat satu kes positif yang baru pulang dari Semporna dan Kota Kinabalu, Sabah," katanya.

Sehingga kini, katanya, terdapat empat kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk tiga kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan pada hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif kes kematian kekal sebanyak 133 kes dengan 1.24 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Sementara itu, sebanyak 30 kes telah pulih dan dibenar discaj hari ini (semalam)," kata beliau.

## Kluster Orkim dikesan di Johor

**PUTRAJAYA** - Satu lagi kluster baharu dikenal pasti iaitu Kluster Orkim di Johor melibatkan kru kapal yang berlabuh di Pelabuhan Pasir Gudang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes pertama bagi kluster itu adalah kes ke-10572, seorang kru kapal warga Indonesia.

"Kes mula bergejala demam, batuk, sesak nafas, cirit-birit dan muntah sejak 13 September.

"Dia telah dirujuk ke Hospital Permai, Johor dan didapati positif pada 23 September sebelum dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, hasil saringan ke atas kru-kapal berkenaan mendapati kes kedua positif membabitkan warga Indonesia yang tidak bergejala dan telah dima-

sukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, meskipun 23 virus Covid-19 Kluster Benteng LD yang dituji mempunyai mutasi D614G, namun ia tidak berkait dengan virus yang dijumpai di Kedah.

Menurutnya, ujian penjujukan genom ke atas virus berkenaan mendapati saling menyerupai virus Kluster PUI Sivagangga, Tawar, Sungai dan Bukit Tiram.


"Ia saling menyerupai tetapi tidak berkait. Masyarakat perlu lebih berwaspada dan lebih berhati-hati.

"Virus Covid-19 dengan mutasi D614G ini didapati lebih mudah menjangkiti individu lain dan mudah merebak.

"Jadi, masyarakat diingatkan agar mengamalkan sepenuhnya prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**




**JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI**

JUMLAH KESELURUHAN:	<b>10,687</b>	PULIH:	<b>9,696</b>	ICU:	<b>4</b>	KEMATIAN:	<b>133</b>	KES BAHARU:	<b>+111</b>
---------------------	---------------	--------	--------------	------	----------	-----------	------------	-------------	-------------

\*Dikemas kini pada jam 6 petang 26 September 2020

**Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 10,576 kes kepada 10,687 kes**



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

## D614G-type virus mutation detected in samples from five clusters

**KUALA LUMPUR:** The Institute of Medical Research (IMR) has detected a D614G-type mutation in all 32 Covid-19 virus samples in five clusters.

In a Facebook post, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the IMR had performed genome tests on 32 Covid-19 virus samples that had been detected from isolation and culturing tests for the Benteng LD cluster (23), PUI Sivagangga cluster (four), Tawar cluster (three), as well as the Sungai

and Bukit Tiram clusters with one sample respectively.

"As suspected, a D614G-type mutation was detected in all 32 Covid-19 samples.

"Follow-up tests were conducted to study the genetic link with the previous mutation found in the PUI Sivagangga and Tawar clusters.

"It was found that all the virus samples that were isolated from clusters in Kedah (PUI Sivagangga, Tawar, and Sungai) are inter-related and most likely came

from the same source," he said.

Dr Noor Hisham said all 23 Covid-19 virus samples from the Benteng LD cluster were similar, but had no connection with the Covid-19 virus found in Kedah.

He said these tests were preliminary tests and several follow-up tests were being conducted to compare these virus samples with the Covid-19 Phylogenetic tree.

In his post, Dr Noor Hisham called on the public to remain



*Health Ministry workers taking samples from residents of Kota Setar, Alor Star, to test for Covid-19 recently.*

vigilant and careful.

"This (is vital) as Covid-19 virus with D614G mutation was found to be more infectious. Practise standard operating procedures as

outlined by the ministry, namely physical distancing, maintaining good personal hygiene and wearing face masks in public places, and avoid crowded places."



**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**  
**MUKA SURAT : 7**  
**RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY**

## Individuals returning from red zones urged to undergo screening and self-quarantine

**KUALA LUMPUR:** Asymptomatic individuals returning or coming from areas designated as Covid-19 red zones in the country have been encouraged to undergo screening and self-quarantine.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this is important as it could prevent further virus transmission.

"Asymptomatic individuals who recently visited or are just returning from red zones are very much encouraged to undergo screening and self-quarantine to protect their families, friends and the community."

There are now five red zones in Malaysia with four of them situated in Sabah, namely Tawau,

Lahad Datu, Kunak, and Semporna. The fifth red zone is in Kota Star, Kedah.

Yesterday, the Health Ministry recorded 111 new Covid-19 positive cases as of noon, bringing the tally to 10,687. Of the total, four cases were imported involving two people from Indonesia and one each from India and Singapore.

For local transmissions, Dr Noor Hisham said 76 cases involved Malaysians and 31 were foreigners.

Ninety-seven of the cases were in Sabah, with 74 of them linked to the Bangau cluster involving 48 Malaysians and 26 foreigners and 13 cases linked to the Ben-

teng LD cluster.

"Another two cases were from the Laut cluster, involving foreigners; two cases involved Malaysians detected during referral screenings at hospital and two cases detected during screenings at the workplace involving a Malaysian and a foreigner. Also detected were two cases during symptomatic screenings involving a Malaysian and a foreigner; one case of Severe Acute Respiratory Infection at Tawau Hospital involving a Malaysian, as well as one positive case during screening at an international entry point involving a Malaysian."

Dr Noor Hisham said there was

a new isolated Covid-19 cluster, named Orkim, detected in Johor yesterday. He said the cluster involved the crew of a ship anchored in a port in Pasir Gudang, Johor.

"The index case of the cluster (Case 10,572) was an Indonesian crew member, who had signed-on in Singapore on Sept 10. The crew member started showing symptoms such as fever, cough, shortness of breath, diarrhoea, and vomiting since Sept 13 but did not inform the employer. The crew member then signed off on Sept 17 and only received treatment at a private clinic on Sept 22."

Dr Noor Hisham said the crew member was then referred to Per-

mai Hospital, Johor Baru where he tested positive for Covid-19 on Sept 23 and was then admitted to Enche Besar Hajjah Khalsom Hospital.

He said screenings conducted on other crew members found another positive case involving an Indonesian.

"The second positive case is not symptomatic and was also admitted to Enche Besar Hajjah Khalsom Hospital."

He said a total of 30 crew members on board were screened.

"Of the total, two were tested positive for Covid-19; 24 individuals were found negative, while another four are still awaiting results."

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NATION

# No pause in Sabah outbreak

## 97 out of 111 new Covid-19 cases recorded in the state

PUTRAJAYA: The Covid-19 outbreak in Sabah shows no sign of slowing down, with 97 out of 111 new cases in the country being from the state.

With the state going to the polls today, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah has called on Sabahans to observe the Covid-19 standard operating procedure (SOP) at all times.

On top of that, Dr Noor Hisham said the virus found in Sabah's Benteng Lahad Datu (LD) cluster was of the D614G mutation, which is said to be of a highly infectious strain.

"With this risk assessment, the ministry is urging the Sabah public

to be more wary and raise their adherence towards the SOP that has been set, especially for the state elections.

"As it is in our Malaysian culture, the people should always remind one another to follow the SOP so we could protect each other from Covid-19.

"The ministry is encouraging everyone to go out and vote but please practise physical distancing and self-hygiene, and wear face masks at all times," he said in a statement yesterday.

Lab studies by the ministry's Institute of Medical Research found that the virus taken from the Benteng LD cluster was from the same D614G

mutation that was detected in the Sivagangga, Tawar, Sungai and Bukit Tiram clusters.

Currently the country's biggest and most active, the Benteng LD cluster – which originated from the Lahad Datu police lock-up and Tawau prison, on the east coast of Sabah – has recorded another 13 cases, bringing its tally to 743 infections.

The biggest increase yesterday was recorded by the Bangau-Bangau cluster in Semporna with 74 new infections. The cluster now has 134 cases.

The Laut cluster saw two more new cases while the other Sabah cases were detected from Covid-19

screenings in the state.

Two cases in Pahang and Selangor were both detected from individuals who had just returned from Sabah.

Malaysia's cumulative total of cases since the outbreak began now stands at 10,687.

Thirty Covid-19 patients have been discharged, which means the total number of people who have recovered so far is 9,696 or a 90.7% recovery rate.

There are no new fatalities so the death toll remains at 133.


The number of active cases in the country is now 858.

Four people are under intensive care, with three of them requiring ventilator support.

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 11**  
**RUANGAN : NATION**



Dr Wong (left) receiving the second WSO Angels Diamond Award this year.



Winning the WSO Angels Diamond Awards was a team effort from the ambulance staff to the doctors and supporting staff at Pantai Hospital Penang, according to Dr Wong. - ZHAFARAN NASIB/The Star

# HOSPITAL STROKE UNIT BAGS A HAT-TRICK

By R. SEKARAN  
 rsekaran@thestar.com.my

## Three WSO Angels Awards Diamond Status in nine months

WHILE bagging an award for excellence once is already a feat, Pantai Hospital Penang has outdone itself by clinching the World Stroke Organisation's (WSO) Angels Awards Diamond Status three times since last year.

The hospital's third consecutive win has put the spotlight on its stroke care unit.

Pantai Hospital Penang consultant neurologist Dr Wong Yee Choon, who is the head of the stroke unit, said the hospital is the only one in Malaysia to win the award for three quarters (Q4 of 2019, and Q1 and Q2 of 2020).

"Winning this award was a team effort, from the ambulance staff to the doctors and supporting staff at the hospital.

"The win came as a pleasant surprise as we did not think about any awards but providing world-class health care, and everyone is dedi-



'Stroke is a sneaky killer, it strikes us suddenly,' said Dr Wong.

cated in improving the standards further," he said.

WSO's Angels Awards are given

to hospitals which provide data and evidence of delivery of care and treatment against a set of seven criteria.

The organisation encourages continuous data capturing, enabling analysis of that data to identify, and acting to address areas for improvement.

Dr Wong said the hospital's stroke unit which was set up in 2013 has been receiving about 500 to 600 patients a year and has a comprehensive and dedicated ward for stroke patients with 18 beds.

"We have an average of 40 to 50 patients a month and most of the time, the ward is 80% full as there has been an increase in the number of stroke patients over the years.

"I always like to give an analogy of the unit as a pitstop in Formula One.

"Once a patient who has a stroke is wheeled in, the whole team has to work fast to diagnose, assess, push for a scan, do the scan, read the scan, interpret it, talk to the family and begin treatment.

"Everything runs simultaneously, and the key is teamwork, whereby all work is in tandem when attending to the patient.

"Most patients are above 40. Stroke is one of the biggest complications of untreated hypertension, with people's lifestyle playing a major part in the disease," he said.

Dr Wong said many who know they have hypertension do not seek treatment, while those on medication do not take it regularly.

"Many do not know they have hypertension until they are down with a stroke and they could be going on for a long time with a blood pressure reading of 150 without any symptom.

"Stroke is a sneaky killer, it strikes us suddenly. Both men and women are at risk, with many who are young suffering from stroke due to an unhealthy lifestyle."

Dr Wong said people should be familiar with BEFAST, the acronym used for symptom recognition:


- B (balance): Loss of balance
- E (eyes): Blurred vision
- F (face): One side of the face droops

- A (arm): Weakness in the arm
- S (speech): Speech difficulty
- T (time): Go to a hospital that is equipped with a stroke centre immediately

"Anyone who has any of the symptoms must be rushed to a hospital with a stroke centre, to be provided with the fastest treatment possible, as a normal hospital will not be able to diagnose the case immediately," cautioned Dr Wong.



Pantai Hospital Penang's stroke unit was set up in 2013 and has a dedicated ward with 18 beds.



Pantai Hospital Penang sees 40 to 50 stroke patients a month.